

22 JAN 2002

LEAD/PM-AIR/I

M'SIA MAHU SELESAI ISU AIR DENGAN S'PURA SECEPAT MUNGKIN

BANGI, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mahu menyelesaikan isu bekalan air dengan Singapura secepat mungkin.

"Bagaimanapun, terdapat sedikit masalah mengenai mencapai harganya," beliau memberitahu pemberita pada hari Kerjaya Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia tidak dapat bersetuju mengenai harga yang dimahukan oleh Singapura pada 45 sen setiap 1,000 gelen.

"Ini adalah kerajaan Hong Kong membayar RM8.00 setiap 1,000 gelen air yang didapati daripada tanah besar China."

Katanya para pegawai sedang membuat kerja awal mengenai isu air itu.

Dr Mahathir semalam mengakui bahawa sedikit kemajuan diperolehi mengenai perkara itu.

Tetapi beliau telah berkata bahawa beliau sanggup "memberi dan menerima" tetapi tidak bertolak ansur mengenai isu itu.

Malaysia kini membekal air mentah kepada Singapura pada tiga sen setiap 1,000 gelens (4,500 liter) dan sebaliknya membeli air dirawat pada 50 sen setiap 1,000 gelen (4,500 liter) dari Singapura.

Dr Mahathir berkata harga tiga sen itu ditentukan semasa Singapura hampir menyertai Malaysia dalam awal 1960-an dan sikapnya adalah berbeza ketika itu.

perjanjian dirangka oleh British itu menguntungkan Singapura kerana mereka (British) juga menasihati kerajaan Johor ketika itu, katanya.

Adalah dilaporkan bahawa Johor merancang untuk berhenti membeli air dirawat daripada loji-loji yang diurus oleh Lembaga Utiliti Singapura selepas tahun ini.

Pada masa ini Johor membekal 910 juta liter air kepada Singapura setiap hari dan membeli semula 130 juta liter air dirawat.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan Malaysia kini sedang mengkaji cadangan oleh Gerbang Perdana Sdn Bhd untuk membina sebuah jambatan menghubungkan Malaysia dan Singapura. -- BERNAMA

SHO SHY OS